

# MyCelloFib harum nama negara

**Penyelidik muda raih  
anugerah berprestij sempena  
International Inventions  
Show (INOVA) di Zagreb**

Oleh Mohd Sabran Md Sani  
sab@mediaprima.com.my

**S**ekumpulan penyelidik muda mengharumkan nama negara apabila merangkul pelbagai anugerah berprestij sempena International Inventions Show (INOVA) di Zagreb, Croatia baru-baru ini.

Produk inovasi MyCelloFib (Malaysia Cellulose Fibre) ciptaan pelajar Sekolah Menengah Sains Tapah merangkul pingat emas dan Anugerah Khas Romania Inventor Forum.

Projek penyelidikan itu dibangunkan tiga pelajar iaitu Nadzrul Niezar Abu Hanifah, 16, Muhammad Nurkhalim Nadzmi Muhammad Azmi, 16, dan Muhamad Fahmi Aqil Muhamad Shalan, 16.

Di peringkat kebangsaan, mereka memenangi pingat emas di pertandingan Malaysian International Young Inventors Olympiad 2013 dan I-Envex 2013 dan Anugerah Emas Yayasan Inovasi Malaysia.

Guru pembimbing, Muhammad Ikhwan Md Saad berkata, kolaborasi bersama Universiti Kuala Lumpur menjadikan produk inovasi itu lebih mantap dan berdaya saing.

Beliau berkata, produk MyCelloFib ini bagi menggantikan penggunaan bahan komposit sedia ada seperti gentian kaca, karbon dan aramid dengan kekabu.

"Produk ini boleh dijadikan bahan binaan seperti bot, badan kereta, kapal dan kapal terbang.

"Kekuatannya setaraf dengan kekuatan bahan komposit lain dan lebih mesra alam," katanya.

Menurutnya, pameran itu membabitkan penyertaan 32 negara seperti Sweden, Kanada, Taiwan, Romania, Turki, Moldova, Sepanyol, Nigeria,

Ukraine, Russia, Jepun, Bosnia, Bangladesh, Indonesia dan Croatia.

"Ia membabitkan hampir 600 produk bagi kategori terbuka dan penyelidik muda.

"Pameran kali ini lebih bermakna dengan kehadiran Presiden Republik Croatia, Ivo Josipovic," katanya.

Deligasi Malaysia diketuai penyelidik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), selain Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Kolej MARA Kuala Nerang, Sekolah Menengah Sains Tapah, Sekolah Agama Perempuan Taayah dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang (SBPI Rawang).

Sementara itu, deligasi UniMAP menerima Anugerah Khas INOVA Best Invention for Agriculture dan pingat emas melalui produk 'The Sugarpap: Paper from Natural Sources' hasil penyelidikan Norazian Mohamed Noor yang juga penyarah kanan UniMAP.

Produk hasil penyelidikan UniMAP melalui Mohammad Tamizi Selimin dianugerahkan Best Invention daripada negara Russia, selain merangkul pingat emas INOVA dengan penyelidikan 'Sustainable Construction Material from Marine Clay'.

Deligasi Malaysia turut menerima pengiktirafan dari Qatar iaitu 'Agri green Special Award' melalui produk inovasi 'Green Matbakh' hasil ciptaan pelajar Sekolah Raja Perempuan Taayah Perak.

Anugerah khas Best Innovation Turki bagi inovasi UMP dan anugerah khas Romania Inventor Forum kepada UPM.

Tidak ketinggalan anugerah Archimeds Gold Medal diberikan kepada inovasi Kolej MARA Kuala Nerang, manakala SBPI Rawang mendapat anugerah khas World Invention Intellectual Property Association (WIIPA).

**MUHAMMAD Nurkhalim Nadzmi (kanan) dan Muhammad Fahmi Aqil (kiri) dalam sesi penilaian yang dinilai juri-juri Taiwan.**



**DUA pelajar Sekolah Menengah Sains Tapah iaitu Muhammad Nurkhalim Nadzmi (kiri) dan Muhammad Fahmi Aqil menerima pingat emas dalam Award Ceremony Inova Croatia baru-baru ini.**



**DUTA Malaysia ke Croatia Datuk Yean Yoke Heng (dua kiri) memberi sokongan kepada peserta negara.**



**PENYELIDIK muda bersama anugerah dimenangi.**